From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 15 August, 2022 7:28:49 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TUANKU PRO-CANSELOR GEMBIRA ADAKAN KEMBARA DIRAJA KEDAH

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 OGOS 2022 / 17 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

TUANKU PRO-CANSELOR GEMBIRA ADAKAN KEMBARA DIRAJA KEDAH



UUM ONLINE: Alor Setar - Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Mudah Kedah, Tuanku Pro-Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) menzahirkan rasa

gembira di atas inisitif universiti ini untuk mengadakan Program Kembara DiRaja Kedah.

Hasrat universiti itu dipersembahkan Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah ketika menghadap Tuanku Raja Muda di Wisma Darulaman, hari ini.

Pada majlis menghadap tersebut, Haim Hilman menyembah maklum bahawa program itu telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah, Tuanku Canselor UUM pada sesi menghadap yang diadakan secara maya pada 9 Ogos lalu.

Tuanku Pro-Canselor juga disembah maklum tentang cadangan masa penganjuran program berkenaan iaitu pada Februari dan Mac 2023 dengan tujuan untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala antara pihak istana dan rakyat jelata.

Selain itu, Haim Hilman menyembah maklum tentang perkembangan universiti termasuk Majlis Konvokesyen Ke-34 tahun 2022 serta Majlis Konvokesyen Ke-35 dan Ke-36 bagi tahun 2023.

Beliau memaklumkan bahawa Tuanku Canselor UUM telah memperkenankan tarikh-tarikh majlis konvokesyen yang dipersembahkan itu.

Tengku Sarafudin Badlishah turut disembah maklum tentang pencapaian terkini UUM, antaranya kedudukan universiti dalam ranking dunia dan Asia, pencapaian staf dan pelajar serta UUM 'roadmap' dibawah Gagasan Gemilang Akademia dan Admin Holistik (GAGAH) @ Bersama Menjulang Namamu UUM.

Di samping itu, program kolaborasi UUM seperti senarai MoU dan MoA antarabangsa serta lawatan kerja Naib Canselor ke Australia dan Indonesia.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.